

AL-IHSAN DALAM KUMPULAN CERPEN YUNDA

Al-Ihsan in Yunda's Short Stories

Hashim Ismail
shim@um.edu.my

Pengarah Pusat Kajian Kecermelangan Melayu
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, MALAYSIA

Published: 27 June 2022

To cite this article (APA): Ismail, H. (2022). AL-IHSAN dalam KUMPULAN CERPEN YUNDA. *PENDETA*, 13(1), 26-34. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.3.2022>

ABSTRAK

Karya kontemporari dalam sastera Melayu telah memasuki satu era yang kembali ke tahap pengukuhan unsur-unsur Islam dari segi kepengarangannya. Islam semakin dilihat sebagai satu ajaran yang membentuk kesempurnaan pemikiran insaniah dan menjadi pedoman dalam menangani krisis kemanusiaan. Kemanusiaan dan krisis kemanusiaan pada era pascamoden kini kian mencabar. Oleh yang demikian, Islam didapati menjadi teras yang melandasi kebanyakan karya kontemporari. Kesedaran ini adalah sejajar dengan penyebarluasan falsafah kemanusiaan dan ketuhanan yang lengkap diturunkan sebagai ajaran wahyu. Segala bentuk perlakuan adalah menuju kepada insanul kamil, bagi kehidupan dunia dan akhirat. Dengan itu tulisan ini menggarap konsep al-Ihsan dalam karya yang kembali diperkuuhkan secara sedar dalam tindakan pemikiran pengarang melalui strategi naratifnya. Tulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur al-Ihsan dalam karya kreatif, dan selanjutnya bertujuan untuk menganalisis dan menilai sejauhmana konsep al-Ihsan terpapar di dalam teks, samaada secara langsung atau secara tidak langsung melalui strategi naratif pengarang. Bagi kajian kes, dipilih sebuah kumpulan cerpen berjudul YUNDA, karya Juri Durabi (2016). Melalui analisis konsep al-Ihsan dibincangkan samaada strategi naratif pengarang dapat memberikan impak yang berkesan terhadap pemikiran pengarang.

Kata Kunci: al-Ihsan; strategi naratif; sastera kontemporari; sastera berunsur Islam; sastera Sabah.

ABSTRACT

This study is to analyses the view of al-Ihsan concepts in the latest short stories called "YUNDA" (2016), written by Juri Durabi. As the contemporary Sabahan's writer, Juri Durabi itself have the critical view on Islamic approaches in his writing. This approaches was inline with the development of Contemporary Malay Literature. This study is to clarify the characteristic of al-Ihsan elements which is used by the author to pursue his thinking. From the clarifications through content analysis methodology, the relations of the text and the concepts of al-Ihsan will be discusses. The author's narrative strategies will be describe as inline with the development of Islamic view in Contemporary Malay literature. Perhaps will show the finding of this study to proven that Juri Durabi has the messages to his reader via using of al-Ihsan's concept. The finding of this study also proven that the author has insisted to reaffirm of the relationship between the human and their Creator, Allah SWT.

Keywords: al-Ihsan; narrative strategies; contemporary literature; Islamic literature characteristic; Sabah's literature.

PENGENALAN

Perkembangan sastera Melayu sudah banyak menyentuh persoalan Islam sebagai landasan kepenggarangan. Dalam sastera tradisional Melayu kemunculan Melaka 1400- 1511 Masehi sebagai sebuah pusat tamadun turut membawa kepada kemunculan kesusasteraan agama dengan munculnya kitab *Durr al-Mandhum* dan *Kitab Mu'amalat*. Selanjutnya Melaka juga menyaksikan kemunculan karya-karya berbentuk kisah nabi-nabi seperti *Hikayat Nabi Yusuf* dan *Hikayat Nabi Sulaiman*. Malahan di dalam pemerintahan kerajaan Melaka muncul karya-karya Islam yang lain dengan pelbagai genre, seperti cerita kepahlawanan Islam, Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka, sastera sejarah, cerita berinduk dan hikayat-hikayat Jawa (Teuku Iskandar, 1995: 187-235).

Tokoh-tokoh pengarang Islam yang dikaji dalam perkembangan sastera Melayu dan Islam sejak abad ke-13 Masehi adalah tokoh-tokoh ulama yang menggunakan ilmu mereka sebagai satu fungsi penyebaran pemikiran Islam kepada ummah. Antara tokoh ulama yang terkenal ialah Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Syeikh Daud al-Fattani, Abdul Samad al-Palembani dan Shamsuddin al-Sumaterani. Mereka adalah antara pengarang-pengarang Melayu yang memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan Islam di Alam Melayu (Peter G. Riddel, 2001:9). Selanjutnya gerak kepenggarangan mereka disambung oleh sebilangan tokoh-tokoh moden abad ke-19 dan abad ke-20 yang memperjuangkan pembebasan masyarakat Islam daripada kepercayaan tradisi yang dianggap kolot dan menghalang ummah daripada berfikir secara rasional dan saintifik. Syed Syeikh al-Hadi, Hamka, Tok Kenali dan Raja Ali Haji misalnya menggerakkan pemikiran progresif ummah untuk mencapai kehidupan yang lebih maju dan seiring dengan menangani cabaran yang dibawa oleh pemikiran Barat.

Karya-karya moden menyerap masuk pemikiran Islam dengan meluas sekitar abad ke-20. Hasil-hasil karya mula membincangkan secara langsung konsep seni yang Islam. Secara tidak langsung membahaskan bagaimana menghasilkan karya sebagai seorang pengarang Islam. Polemik muncul antara Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad bagaimana konsep sastera Islam yang sepatutnya, disiarkan secara bersiri melalui *Dewan Sastera* sepanjang tempoh 1983-1984. Konsep sastera kerana Allah dan sastera mengikut pandangan hidup tauhid dibincangkan berdasarkan epistemologi keindahan serta mengikut kaedah estetika Islam. Abdul Halim Ali (2011: 115) menyatakan bahawa kehadiran agama Islam telah menjadikan kesusasteraan Melayu lebih terserlah nilai keindahannya dan menjadi teras yang mengungguli perkembangan kesusasteraan Melayu hingga ke hari ini.

Pada peringkat kemudian perbincangan tentang fungsi sastera Islam atau sastera berunsur Islam telah mendapat perhatian oleh ramai sarjana tempatan. Antaranya Mana Sikana yang mengemukakan Teori Taabudiyah, Mohd. Affandi Hasan mengemukakan Teori Persuratan Baru dan Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid, dan Shafei Abu Bakar mengemukakan Teori Takmilah. Sebahagian teori ini telah digunakan sehingga ke peringkat kajian Ph.D dalam mendalami unsur-unsur keislaman dalam kepenggarangan sastera Melayu.

Sastera di Sabah yang menjadi bahan kajian dalam makalah ini turut menampakkan ciri-ciri Keislaman dalam tulisan pengarang-pengarang yang berasal dari Sabah. Antara yang terkenal kebanyakannya dalam bidang puisi moden seperti yang tergambar pada tulisan-tulisan Arifin Arif, Hasyuda Abadi dan Jalidar Abd.Rahim. Sebaliknya, secara tidak langsung seni kepenggarangan Islam yang berhasil dalam kalangan penulis Sabah masih banyak belum dianalisis. Dengan demikian makalah ini memilih sebuah kumpulan cerpen kontemporari untuk menganalisis unsur-unsur keislaman yang terdapat pada tulisan Juri Durabi, iaitu Kumpulan Cerpen YUNDA yang diterbitkan ITBM pada tahun 2016. Penelitian pada peringkat awal menunjukkan kepenggarangan Juri Durabi dalam kumpulan cerpen ini menyelitkan seni mengarang berdasarkan pendekatan tauhid. Untuk itu, dipilih konsep *al-Ihsan* bagi mencerakin kajian selanjutnya dalam karya pilihan ini, iaitu YUNDA.

SOROTAN KAJIAN

Peranan ulama dalam pemikiran dan penerbitan masyarakat Melayu moden yang dipengaruhi pemikiran Timur Tengah dianalisis oleh Mohammad Redzuan Othman (1994). Tesis Ph.D beliau menganalisis kontaks penulis Melayu dengan Timur Tengah. Pengaruh pemikiran progresif Timur Tengah membentuk kesan yang menyeluruh dalam gerakan kewartawanan Melayu. Secara tidak langsung beliau menemukan bahawa Islam telah membentuk perubahan sosial dan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu. Kajian beliau membuktikan bahawa hubungan dengan tokoh-tokoh pemikiran Timur Tengah termasuk aliran masuk pemikiran tasawuf dan tarikat sekitar abad ke-19 menyebar ke negeri Kelantan, Negeri Sembilan dan Terengganu yang menyaksikan hasil kepulangan ramai ulama dari Mekah (Mohammad Redzuan Othman, 1994: 126-130).

Kajian tentang unsur-unsur Islam di dalam karya sastera sudah banyak dilakukan oleh para sarjana. Ahmad Kamal Abdullah mengkaji Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden (1985) sebagai tesis sarjana beliau. Tesis ini mengemukakan hubungan Islam dengan tradisi puisi di Nusantara. Beliau menemukan bahawa penyair yang memahami bahasa Arab adalah lebih terkedepan dalam penghasilan puisi mereka seperti Marhan, Yahya M.S, Hadzrami A.R, Shafei Abu Bakar, Nahmar Jamil, Sabda S., dan Ashaari Muhammad. Kelompok penyair di atas dikatakan sebagai memahami konsep gagasan penyair Islam sebagai pernyataan kekuasaan Allah yang tidak terbatas (Ahmad Kamal Abdullah, 1989:205).

Selanjutnya kajian yang bersifat hermeneutik Islam yang dikenali sebagai hermeneutik kerohanian dilaksanakan oleh Md. Salleh Yaapar (1994). Kajian peringkat Ph.D ini mengkaji aspek mistik karya Amir Hamzah. Bagaimanapun kajian ini lebih mefokuskan terhadap sastera bandingan dengan melihat hubungan kepengarangan puisi mistik Amir Hamzah melalui rujukan karya-karya yang lain termasuk karya Umar Khayyam, Kabir, dan Farid Ganj-i Shankar. Kajian Md. Salleh Yaapar lebih bersifat kajian pengaruh dan kepengaruan unsur mistik melalui karya. Kajian ini turut menggunakan pendekatan latarbelakang biografi, budaya dan agama tokoh Amir Hamzah (Md. Salleh Yaapar, 1995: 79-149).

Kajian yang lebih kontemporari menganalisis konsep Islam terhadap kepengarangan Melayu dijalankan oleh Kamariah Kamarudin (2006), berjudul “Novel-novel berunsur Islam: satu analisis berdasarkan teori takmilah”. Kajian peringkat Ph.D ini menemukan bahawa karya-karya berunsur Islam dilandasi dengan konsep keimanan dan ketakwaan agar kemurniaan Islam terpelihara. Kamariah memilih enam belas buah novel yang berunsur Islam. Beliau mendapat tujuh prinsip termasuk prinsip ketuhanan, kerasulan, keislaman, ilmu, estetik, pengkarya, dan khalayak adalah menuju kesempurnaan Kamil, Akmal, Takmilah, dan Istikmal (Kamariah Kamarudin, 2011:625).

Selanjutnya kajian yang menggunakan model rasa insaniah diperkenalkan oleh Shamsudin Othman (2012) melalui tesis Ph.D beliau. Kajian beliau menganalisis tiga orang penyair Islam Nusantara, iaitu Rahimdin Zahari, Jamal D. Rahman dan Johar Buang. Kajian ini menemukan bahawa Rasa Insaniah dapat dibentuk berasaskan teori sedia ada, iaitu teori pengkaedahan Melayu, teori takmilah dan teori rasa fenomenologi. Beliau berupaya membuktikan bagaimana hubungan tiga orang pengarang Melayu yang berasaskan hubungan dengan sikap tasawuf dan kecintaan kepada Allah yang Maha Pencipta dalam mendekatkan diri kepada Tuhan.

Kajian-kajian lain yang memberi fokus terhadap keislaman dan karya sastera juga banyak dilaksanakan pada peringkat sarjana di beberapa buah universiti. Bagaimanapun kebanyakannya mengambil pendekatan yang sama yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji di atas, termasuk menerapkan penggunaan teori Takmilah dan pendekatan dakwah. Kajian ini misalnya dapat diikuti melalui kajian Shamsudin Abu Bakar (2006), Faridah Mohammad Saad (2006), Aminoh Yasalae (2009), Nor Syuhada binti Mohd Basir (2012), dan Wan Zaliha Wan Othman (2013).

METODOLOGI

Metode deskriptif dan metode analisis kandungan digunakan dalam meneliti data-data kajian. Kajian ini bertolak daripada sorotan kajian berdasarkan pendekatan atau konsep Islam yang diterapkan ke dalam analisis teks. Secara konseptual, konsep *al-Ihsan* dibentuk dan kemudiannya dikenalpasti melalui karya pilihan, iaitu kumpulan cerpen YUNDA. Kumpulan cerpen ini adalah antara tulisan terkini yang dihasilkan oleh penulis Sabah yang sebelumnya tidak banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji sastera. Kebanyakan pengkaji memilih karya-karya besar yang dihasilkan oleh penulis tersohor seperti tulisan sasterawan negara. Bagaimanapun penulis YUNDA, iaitu Juri Durabi adalah seorang penulis prolifik dari Sabah yang masih tidak disentuh sebelum ini secara kajian ilmiah.

Justeru itu, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menganalisis takrif *al-Ihsan* kemudiannya menganalisis melalui kaedah strategi naratif yang digunakan oleh pengarang. Persoalan kajian, iaitu apa, bagaimana dan mengapa pengarang menggunakan konsep *al-Ihsan* akan dijawab melalui analisis karya terutama dari segi penampilan watak dan perwatakan. Pilihan pengarang melalui sudut pandangan tertentu akan memperlihatkan sikap pengarang dalam memilih prinsip *al-Ihsan* yang terselindung dari ciri strategi naratif pengarang. Oleh itu perbincangan secara deskriptif melalui pembuktian dilaksanakan dalam analisis termasuk menilai kekuatan karya dari segi mesej yang ingin disampaikan.

Konsep *al-Ihsan*

Konsep *al-Ihsan* dihubungkan dengan seseorang yang melihat dengan mata hati. Ihsan berasal daripada kata *ahsana-yuhsinu-ihsan* yang ertiya berbuat baik. Hubungan seseorang dengan Allah dalam keadaan beribadah, sentiasa yakin bahawa sesungguhnya Allah melihatnya. Ihsan bererti suasana hati dan perilaku seseorang untuk sentiasa merasa dekat dengan Tuhan. Hadis Riwayat Bukhari menjelaskan bahawa dialog antara Malaikat Jibril dengan Rasulullah. Nabi S.A.W menjawab makna ihsan yang ditanya Jibril, iaitu bermaksud “Apabila kamu menyembah (beribadah) kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, maka apabila kamu tidak boleh melihat-Nya, sesungguhnya ia melihatmu” (Ensiklopedia Islam, 2006:177).

Prinsip *al-Ihsan* bermaksud kualiti keyakinan diri tentang bagaimana penontonan dan kebersamaan Allah pada setiap saat dan ketika. Rasa keyakinan sedemikian sewajarnya diusahakan oleh seseorang muslim, agar dia dapat merasakannya dalam semua tingkah laku perbuatan seharian dalam hidupnya. *Al-Ihsan* itu melibatkan perlakuan lahir batin, melibatkan perlakuan dan iktikad diri dalam setiap saat dan ketika. Semua amal perbuatan yang dilaksanakan oleh seseorang dalam kehidupan hariannya hendaklah diangkat taraf penunaianya ke tahap *al-Ihsan*, iaitu segala sesuatu yang dilakukan mestilah diikutsertakan rasa keyakinan serta rasa kehadiran dan kebersamaan Allah SWT. (Zakaria Stapa, 2004: 79).

Al-Ihsan membentuk sikap dan akhlak yang menyerahkan diri kepada Allah SWT dari setiap perlakuan mereka. Kesedaran untuk menerima dan berserah setiap tindak-tanduk kerana Allah SWT ada bersama-sama. Bukan sahaja ahli sufi yang meminjam istilah *al-Ihsan* sebagai satu makam perjalanan tarikat mereka, malahan prinsip *al-Ihsan* itu ada pada golongan ulama, para intelek, dan golongan saintis muslim. Mereka memikirkan keagungan ciptaan Allah SWT. Mereka merasa kagum dengan kekuasaan, dan kemahiran Allah, maka mereka mentauhidkan Allah dalam setiap amalan mereka (Sulaiman Noordin, 1992:23).

Al-Ihsan jelas dihubungkan dengan konsep akhlak. Di samping keimanan kepada hari akhirat, Islam menitikberatkan tentang dorongan atau kesedaran dalaman diri manusia sendiri, iaitu sifat ihsan, iaitu dengan kesedaran bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang itu dapat dilihat oleh Allah SWT. Sifat Ihsan dihubungkan sebagai tenaga yang amat kuat yang boleh mencetuskan akhlak yang baik. Hal ini penting, kerana ada orang yang berkeyakinan bahawa dia boleh melepaskan dirinya daripada penglihatan orang lain, lari dari hukuman dunia dan sebagainya, tetapi pada hakikatnya dia tidak dapat lari dari penglihatan dan hukuman Allah SWT. (Mustafa Haji Daud, 1988: 89).

Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa *al-Ihsan* itu berada dalam lingkungan makna tentang mengetahui sifat-sifat Allah SWT. Akhlak dan tauhid keimanan sebagai seorang muslim yang wajib mempercayai bahawa Allah SWT adalah Maha Pencipta yang benar-benar Maha Kuasa. Dan Dia Maha

Kuasa atas segala sesuatu (Surah al-Mulk: Ayat 1). Allah SWT Maha Mengetahui seluruh apa yang ada dan memahami secara terperinci dan menyeluruh terhadap segenap makhluk-Nya, sebagaimana Allah berfirman dalam Surah Yunus: Ayat 61 yang bermaksud “Tidak ada yang luput dari pengetahuan Tuhanmu biarpun sebesar zarrah di bumi ataupun di langit.”; dan Surah al-Baqarah: Ayat 29 yang bermaksud “Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu”; dan Surah al-Mulk: Ayat 14 bermaksud “Apakah Allah Yang menciptakan itu tidak mengetahui (yang kamu lahirkan dan rahsiakan); dan Dia Maha Lembut lagi Maha Mengetahui.” (Abu Hamid Al-Ghazali, 1998:35-36).

HASIL KAJIAN

Analisis terhadap YUNDA menemukan pengarang banyak mengaplikasi secara jelas tentang ciri perwatakan yang menonjolkan kesan-kesan akhlak *al-Ihsan*. Penampilan mesej tentang ketuhanan ada diselitkan apabila watak berada dalam situasi menyedari hakikat hubungan manusia dengan Tuhan @ hablumminnallah. Secara sedar nilai kepengarangan yang sedemikian adalah satu nilai kepengarangan yang menunjukkan sikap dan keperibadian pengarang, Juri Durabi.

Cerpen *Sebuah Kota Bayangan* adalah sebuah cerpen yang beraliran satira dan lebih mengkritik akhlak seseorang pemimpin. Hubungan rakyat dan pemimpin adalah dalam jurang berbeza, pemimpin adalah lambang kekayaan dan rakyat adalah lambang kemiskinan. Melalui imej kota bayangan adalah sinis terhadap janji pemimpin. Kritikan terhadap Perdana Wazir menempelak projek-projek mega dan projek raksasa, malangnya kepentingan rakyat diketepikan. Watak “Saya” ingin membina kota bayangan dengan cara beliau sendiri. “Saya” menyedari, dia tidak akan seperti Shah Jahan membina Taj Mahal. “Saya” membandingkan ketakutannya, tidak seperti Shah Jahan yang mendahului kebesaran Tuhan dengan menghukum orang yang telah berjasa kepadanya. “Saya” akan membina kota yang mempunyai keseimbangan antara agama dengan kemajuan. Kewujudan ‘Saya’ adalah kerana adanya wujudnya Tuhan. Gambaran akhlak *al-Ihsan* ditunjukkan melalui prinsip ‘Dengan Izin Tuhan’.

Apa-apa yang dibuat di muka bumi ini, sama ada yang wujud sendiri ataupun direka cipta oleh manusia, lahir daripada zat Tuhan. Tuhanlah yang menganugerahkan semua itu, kerana apa-apa yang ada dalam diri manusia itu semuanya daripada kurniaan Tuhan yang tidak ada pada makhluk lain. Hal itu perlu diingat oleh setiap manusia. Akal dan fikiranlah yang menjalankan semua perancangan Jadi, manusia perlu menginsafi dan mensyukuri kekuasaan Tuhan. Tiba masanya nanti Tuhan akan ambil semula semua yang dipinjamkan-Nya (*Sebuah Kota Bayangan*, YUNDA, hlm.20).

Pada cerpen *Pokok Durian Di Tengah Kota*, ciptaan dan kekuasaan Tuhan diterjemahkan melalui simbol pokok dan kota. Pemikiran pengarang dijelmakan melalui konflik penduduk kota mendapatkan hak dan kuasa politik. Pertembungan antara pelbagai kaum yang cuba menguasai dan memiliki pokok durian dan tanah sekitar kota adalah kemelut yang menggambarkan sejarah yang dilalui oleh negara. Imej pokok adalah sejarah asal yang berakar umbi dengan pemilikan yang jelas, namun dicabar oleh pelbagai pihak untuk nafsu dan kuasa. Cerita pokok durian yang menjadi rebutan dileraikan dengan kembali kepada kekuasaan Allah SWT. Satu kaedah yang dipilih oleh pengarang cerpen ini melalui ungkapan “Kembali kepada Yang Hak”. Secara halus dimunculkan prinsip “Tidak ada sesiapa yang berdiri dengan sendirinya melainkan wujudnya dengan kekuasaan Tuhan. Tuhan merupakan pemilik semua yang ada. Sama ada yang besar, sebesar-besarnya dan kecil, sekecil-kecilnya”. Akhlak *al-Ihsan* yang dipilih pengarang adalah dengan menyatakan bahawa “Manakala Tuhan mewujudkan sesuatu itu dengan peranannya yang tersendiri. Tuhan tahu bahawa segala-gala yang diwujudkan-Nya itu berguna antara satu sama lain, saling memerlukan (*Pokok Durian Di Tengah Kota*, YUNDA, hlm 89-92). Pendekatan yang dipilih pengarang untuk semuanya kembali kepada kekuasaan Allah (Kembali kepada yang Hak) adalah seni halus yang digunakan pengarang sebagai satu strategi naratif beliau. Abu Hassan Abdul, Ghazali Din & Mohd. Sidik Ariffin (2016: 8)

menjelaskan bahawa mesej dakwah tanpa teknik penyampaian yang berkesan akan mengakibatkan khalayak tidak memahami seruan dakwah.

Kesombongan manusia diberikan ulasan oleh pengarang melalui kaedah intertekstualiti dan deskriptif. Malahan di sana-sini dalam kumpulan cerpen YUNDA diselitkan ajaran akhlak *al-Ihsan* itu. Pengarang melakukan secara sedar melalui sudut pandangan beliau yang langsung kelihatan. Secara langsung juga menunjukkan ciri dakwah dan ajaran akhlak yang jelas dan yakin. Pada cerpen *Ke Dunia Lain*, ‘Aku’ berdialog dengan manusia bayang-bayang, jelmaan kapten kapal Titanic yang menyesal dengan kesombongannya. Bangga dengan kemegahan Titanic, tetapi akhirnya menyedari kesombongannya ditundukkan oleh Tuhan. Tidak pernah terfikir di dalam fikirannya tentang kemungkinan kapal yang dikendalikannya tenggelam kerana pengalaman puluhan tahun beliau mengendalikan pelayaran. Kapten Edward John Smith mula bermuhasabah, bahawa semua yang ada di dunia ini adalah ciptaan Tuhan dan hanya sementara sahaja. Dengan merujuk Surah Yasin, Ayat 43, “Dan jika Kami menghendaki nescaya Kami tenggelamkan mereka, maka tiadalah bagi mereka penolong dan tidak pula mereka diselamatkan.” Juri Durabi secara langsung mentarbiyyahkan pembaca dengan merumuskan dalam cerpennya,

“Satu pengajaran yang dapat disimpulkan di sini ialah, Tuhan tidak suka manusia bersikap angkuh hingga menidakkan kekuasaan-Nya. Segala sesuatu itu sama ada besar atau kecil, bergantung pada keredaan Allah yang menjadikan bumi dan langit ini. Manusia perlu kembali kepada fitrah yang mengatakan bahawa manusia dan segala yang ada di muka bumi ini wujud atas kehendak-Nya dan bukan wujud dengan sendirinya. Akhirnya, mereka akan diuji dan diberi peringatan supaya sedar siapa dia di sisi Tuhan.” (*Ke Dunia Lain*, YUNDA, hlm. 112).

Kesedaran terhadap manusia hanya mampu merancang, Tuhan yang menentukan adalah hubungan manusia dengan prinsip hablumminnallah. Usaha dan tindakan adalah usaha yang dijalankan oleh manusia, namun akhirnya mereka bertawakal, menyerahkan keputusan itu kepada Tuhan Yang Maha Esa. Imej sedemikian dapat diikuti dengan menyedari bahawa “Tuhan itu ada di mana-mana”. *Al-Ihsan* memerlukan kesedaran makhluk bahawa yang mencipta makhluk adalah Yang Maha Esa. Pada cerpen yang lain, bertauhid dengan Yang Esa Yang Maha Pencipta adalah keputusan makhluk terhadap musibah yang menimpa. Yee Pan bermonolog dalam dirinya tentang penyakit yang pelbagai. Walau usaha dengan pelbagai kaedah, jika tidak diizinkan-Nya tidak sembah penyakit itu. Yee Pan percaya tidak ada penyakit yang tidak dapat diubati. Dan beliau sedar ubat yang paling mujarab ialah kematian. Bagaimanapun Yee Pan percaya bahawa Tuhan Yang Maha Esa yang mampu mengubatinya. Manusia hanya mampu berusaha (*Yee Pan*, YUNDA, hlm. 57).

Kepengarangan Juri Durabi dapat diikuti sebagai ingatan beliau terhadap kekuasaan Allah SWT. Sebagai seorang pengarang, dia menyelitkan sedaya upaya tentang tindakan perilaku watak yang sepatutnya berperwatakan muslim. Dengan doa adalah senjata terhadap sebuah harapan untuk menyerahkan diri kepada kekuasaan Tuhan. Pada bahagian akhir cerpen *Detik Sebuah Sejarah*, kewujudan kuasa Yang Maha Esa itu tetap menjadi prinsip watak Pak Ayub yang mengenangkan perpecahan dalam politik yang sedang berlaku. Pak Ayub membandingkan kenangan pada zaman penjajahan British, zaman Tunku Abdul Rahman berusaha mendapatkan kemerdekaan negara. Beliau membayangkan kesengsaraan di negara-negara Islam yang lain seperti Iraq, Afghanistan, Somalia, Bosnia, Mesir dan Libya yang mengalami bentuk baharu penjajahan dalam zaman pascapenjajahan. Senjata kesedaran kepada Pak Ayub adalah doa beliau kepada Tuhan yang boleh menyelamatkan ummah dan bangsanya. Berserah kepada Allah SWT adalah akhlak *al-Ihsan* sebagai senjata orang-orang mukmim. Allah Maha Mengetahui (*Detik Sebuah Sejarah*, YUNDA, hlm. 68).

Kumpulan cerpen YUNDA, walaupun menggambarkan pelbagai tema dan pemikiran, namun secara halus terlihat benang emas pengarang yang melatari setiap idealismenya dengan prinsip “Tuhan ada di mana-mana”. Ciri *al-Ihsan* yang sedemikian adalah wajar bagi ciri kepengarangan seorang muslim. Kesedaran untuk menyatakan keberadaan makhluk ciptaan Tuhan adalah kesedaran akhlak insan yang menjiwai iman dan iktikad pengarang. Pada cerpen *Jalan Lain Ke Syurga* didapati watak ‘Aku’ menyedari dalam perjalanan roh kematianya adalah sangat menyediakan dengan kemusnahan anggota tubuh

badannya, organnya dicincang hancur, badannya dibakar, ulat-ulat memakan dagingnya, segalanya gelap dan panas. Mimpi yang dilaluinya menakutkan sehingga alam barzah yang dilaluinya itu adalah seumpama hakikat yang menimpa rohnya. Akhirnya, perasaan surealis ‘Aku’ dirongkai dengan sedar bahawa beliau bersaksi Tuhan itu Maha Adil dan Maha Bijaksana, Maha Besar dan Maha Mengetahui, Maha Pengasih dan Maha Pengampun. Dia tahu akan apa-apa yang dibuat oleh segala makhluk-Nya. Pertanyaan masihkah ada jalan lain ke syurga dijawab dengan, hanya ada satu jalan sahaja, iaitu “Kembali kepada kebesaran Tuhan”. Mengikut segala ajaran agama-Nya. Tidak ada jalan pintas (*Jalan Lain Ke Syurga*, YUNDA, hlm. 79-80).

Akhlik *al-Ihsan* ditunjukkan melalui segala pujian-pujian terhadap Allah SWT. Allah itu adalah segalanya atas sifat yang dimiliki-Nya. Manusia yang sesat dalam kepalsuan adalah kerana lupa kebenaran-Nya. Manusia yang gelap dan zulmat dengan jiwa yang berkarat. Cerpen *Di Balik Sebuah Kubah* memaparkan bagaimana cerita-cerita tentang hari kiamat yang tidak berlandaskan nas dan hujah mengikut ajaran Islam. Malahan terdapat sebilangan manusia yang mempercayai membabi buta tentang kemusnahan alam ini dengan tarikh yang ditetapkan sendiri. Untuk itu, pengarang membawa hujah-hujah balas melalui pembuktian hari kiamat mengikut ajaran Islam yang dikemukakan dalam cerpen ini. Pengarang menyatakan kebenaran Kiamat melalui teknik dialog antara watak ‘Saya’ dengan ‘Ustaz Abu Hurairah’. Satu persatu dijelaskan seperti khalayak sedang mengikuti kelas agama di masjid atau di dewan kuliah. Penegasan tentang mesej dinyatakan oleh pengarang melalui Surah Al-A’raf: 187. Selaras dengan pembukaan cerpen di atas, yang memulakan premisnya dengan ungkapan “Adakah manusia hari ini sudah tidak lagi dapat memikirkan bahawa Tuhan itu Maha Besar. Tuhan itu Maha Mengetahui. Tuhan itu Maha Agung.” Puji-pujian ke atas sifat-sifat Tuhan ini adalah satu perakuan ketauhidan pengarang terhadap keberadaan Tuhan yang sentiasa wujud di dalam apa sahaja situasi. Akhirnya segala puja-pujian itu membentuk seumpama rantaian ucapan zikir makhluk terhadap Penciptanya (*Di Balik Sebuah Kubah*, YUNDA, hlm.137). Sama halnya dengan iktikad watak nenek tua yang sedang menghadapi hari kematian, pemelihara puluhan kucing di dalam cerpen *Dongeng Si Kucing* yang berserah kepada Allah SWT kerana dia juga menyadari bahawa Tuhan Yang Maha Esa. Tuhan Yang Maha Besar. Tuhan Yang Maha Mengetahui (“Dongeng Si Kucing”, YUNDA, hlm. 151).

Signifikant dengan akhlak *al-Ihsan* jelas dalam cerpen-cerpen selanjutnya. Pengetahuan dan kesedaran tentang kewujudan dan kekuasaan Allah SWT sentiasa dijadikan nadi penggerak dan perwatakan watak-watak yang dimunculkan dalam YUNDA. Ciri sedemikian dapat dihayati melalui cerpen yang lain seperti cerpen *Pohon Rendang Berdaun Lebat* dan *Di Balik Pintu*. Selitan dan jalinan sifat beriktikad watak yang berpendirian berserah kepada Tuhan tetap kelihatan. Setiap konflik umumnya, dikembalikan dengan peleraian dan kesedaran terhadap “Kewujudan Tuhan bersama manusia yang sedang diperhatikan-Nya”. Tuhan mempunyai sifat segalanya. Maha Mengetahui. Maha Agung. Maha Pencipta. Watak-watak didirikan sebagai berkeperibadian seorang yang pasrah dengan sikap sadar terhadap kekuasaan Tuhan. Malahan pada watak kelompok robotik di alam futuristik atau alam interdimensi pun dikenakan ciri kepercayaan kepada kewujudan Tuhan. Watak robotik ikut bertauhid bahawa alam semesta ini kepunyaan Tuhan. Tidak ada satu pun benda di dunia robotik wujud sendiri, melainkan atas kehendak dan kebesaran Tuhan (*Di Balik Pintu*, YUNDA, hlm.182).

RUMUSAN

Makalah ini menganalisis konsep *al-Ihsan* yang terdapat dalam kepengarangan Juri Durabi sebagai pengarang kontemporari dari Sabah. Tidak ramai pengarang Sabah yang dominan atau dikenali sebagai pengarang yang bernuaskan Islam secara signifikant dalam karya-karya mereka. Hanya segelintir pengarang Sabah yang sering disebut atau sering dibincangkan sebagai pengarang beridentitikan pemikiran Islam, iaitu Haji Harun Haji Salleh, Datuk Haji Jamdin Buyong, Datuk Haji Suhaibun Yusuf, Datuk Hajah Zaiton Ajamain, Hajah Sairah Haji Antin, Datuk Jasni Matlani, Arifin Arif (Yang Berhormat Datuk Haji Mohd Arifin Arif), dan Hasyuda Abadi (Haji Sukor Haji Usin). Pengarang-pengarang lain masih tidak dikaji secara menyeluruh. Walaupun Juri Durabi sebelum ini tidak dikaji secara meluas oleh pengkaji-

pengkaji sastera, sekurang-kurangnya dengan pengemukaan analisis makalah ini, menjelaskan bagaimana kepengarangan Juri Durabi yang mempunyai benang emas dalam strategi naratifnya menggunakan prinsip *al-Ihsan* dalam menyampaikan mesej serta pemikiran beliau.

Kumpulan cerpen YUNDA membuktikan prinsip kekuasaan Allah Yang Maha Pengasih. Maha Penyayang. Maha Agung. Maha Pencipta. Maha Mengetahui. Sifat Allah SWT sering disebut-sebut dalam strategi naratif Juri Durabi secara langsung dan secara sadar. Penyampaian akhlak *al-Insan* yang meletakkan prinsip “Allah Melihat dan Mengetahui apa yang makhluk-Nya lakukan setiap ketika” dilandaskan atas prinsip keimanan sebagai seorang muslim yang menyedari bahawa Allah yang memiliki seluruh isi alam semesta, termasuk segala makhluk ciptaan-Nya. Bagaimanapun, pada sisi yang lain, didapati juga sebilangan kecil cerpen dalam YUNDA yang tidak memperlihatkan pengisian mesej-mesej Keislaman secara jelas. Terdapat beberapa cerpen misalnya masih berkisar dalam bentuk sketsa sosial dan berupa catatan pengalaman penulis yang dimimesiskan ke dalam bentuk cerpen. Namun demikian, sebilangan kecil cerpen-cerpen itu tidak menjaskankan keseluruhan prinsip *al-Ihsan* yang mendominasi kepengarangan Juri Durabi sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

RUJUKAN

- Abdul, A. H., Din, G., Twahir @ H. Tahir, W., & Ariffin, M. S. (2016). Retorika Dakwah dalam Autobiografi Perjalanku Sejauh Ini dan Kenang-Kenangan Hidup. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 9-24. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1188>.
- Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusastraan Melayu Tradisional. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99-117. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1109>.
- Abu Hamid Al-Ghazali. (1998). *Imam Al-Ghazali – Tauhidullah Risalah Suci Hujjatul Islam*. Terjemahan Bab 2 dari *Ar-Risaalatul Qudsiyah fi Qawaa'idil 'Aqaaid* (t.t). Surabaya: Penerbit Risalah Gusti.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1989). *Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1985). Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Modern. Tesis Sarjana Sastera (MA). Pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang 1984-1985.
- Aminoh Yasalae. (2009). Penerapan teori Takmilah dalam sajak-sajak Melayu Patani. Tesis Sarjana (MA), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Faridah Mohammad Saad. (2006). Aplikasi takmilah dalam puisi Al Amin. Tesis Sarjana (MA), Universiti Putra Malaysia.
- Hafizah Dasuki et.al. (2006). *Ensiklopedia Islam*. Jilid Dua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juri Durabi. (2016). *Kumpulan Cerpen YUNDA*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manu Sikana. (2008). *Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*. Bangi: Pustaka Karya.
- Md. Salleh Yaapar. (1994). *Mysticism and poetry: A hermeneutical reading of the poems of Amir Hamzah*. Thesis (Ph.D.) Temple University.
- Md. Salleh Yaapar. (1995). *Mysticism and Poetry: A Hermeneutical Reading of the Poems of Amir Hamzah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1988). *Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Syuhada binti Mohd Basir. (2012). Penulisan Islamik sebagai medium pendekatan dakwah: satu kajian terhadap penulisan novel. Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurazmi Kuntum. (1991). *Teori dan Pemikiran Sastera Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riddell, Peter G. (2001). *Islam and the Malay-Indonesian World*. Singapore: Horizon Books.
- Shamsudin Abu Bakar. (2006). Analisis takmilah cerpen pemenang hadiah sastera Islam. Tesis Sarjana (MA), Universiti Putra Malaysia.
- Shamsudin Othman. (2012). Model rasa insaniah dalam puisi Islam tiga penyair Nusantara. Thesis (Ph.D.). Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Sulaiman Noordin. (1992). Sains, Falsafah dan Islam. Dlm. Mohd. Yusof Hj. Othman et.al (ed.). *Siri Wacana Sejarah dan Falsafah Sains*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Wan Zaliha Wan Othman. (2013). Novel-novel Faisal Tehrani: kajian intertekstualiti dan dakwah. Tesis Sarjana (MA), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zakaria Stapa. (2004). Tasawuf dan Pembangunan Hakiki Ummah dlm. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina Sa'ari (ed.). *Tasawuf dan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.